

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR [JOHOR BAHRU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan yang telah diambil ekoran daripada berlakunya peningkatan keluaran produk-produk kosmetik dan kesihatan jenama buatan sendiri di pasaran sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti pengilangan produk-produk kesihatan dan kosmetik dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Undang-undang ini memperuntukkan bahawa produk-produk kesihatan perlu berdaftar dan bagi kosmetik perlu bernetifikasi terlebih dahulu dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum dikilangkan dan dijual kepada orang awam.

Pengilangan produk-produk kesihatan dan kosmetik hanya dibenarkan dilakukan di kilang-kilang yang dilesenkan oleh KKM bagi menjamin keselamatan produk-produk tersebut digunakan oleh orang ramai.

SOALAN NO : 3

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan produk-produk kesihatan dan kosmetik yang dipasarkan di Malaysia berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dijual kepada orang awam. Kawalan ini bertujuan untuk memastikan hanya produk yang berkualiti, selamat dan berkesan sahaja dijual untuk kegunaan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengekang pengilangan dan penjualan produk kesihatan tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi, tindakan pemeriksaan dan operasi serbuan secara berterusan dijalankan ke atas premis-premis pengeluar atau penjual berdasarkan pengesahan ke atas aduan yang diterima daripada orang awam. Syarikat atau individu yang didapati mengilang dan menjual produk kesihatan yang tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi akan disiasat dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Jualan Dadah 1952.

Berdasarkan statistik dari tahun 2018 hingga 2019, sebanyak **34,787** unit produk kesihatan tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi telah dirampas dengan nilai rampasan sebanyak **RM63.1 juta**. Manakala, notifikasi penurunan iklan dan sekatan ke atas laman sesawang dan platform e-dagang juga telah diambil bagi kosmetik dan produk kesihatan yang melanggar undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran orang awam berkenaan produk kesihatan berdaftar serta kosmetik bernetifikasi melalui pameran, dialog awam, ceramah dan '**Kempen Kenali Ubat Anda**' di seluruh negara. Orang awam juga adalah dinasihatkan agar menyemak produk yang ingin dibeli sama ada ianya berdaftar atau bernetifikasi. Semakan status pendaftaran atau notifikasi sesuatu produk boleh dilakukan dengan melayari laman sesawang **www.npra.gov.my** atau memuat turun aplikasi '**NPRA Product Status**' daripada Google Play Store.

SOALAN NO : 3

Dalam usaha untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang awam, Bahagian Penguatkuasa Farmasi (BPF), Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa membuat pemantauan secara berterusan. Orang ramai turut amat digalakkan untuk mengemukakan aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan produk kesihatan yang disyaki tidak berdaftar dan kosmetik yang disyaki tidak bernetifikasi kepada BPF, KKM melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> atau mana-mana **Cawangan Penguatkuasa Farmasi** yang berdekatan.

Sekian, terima kasih.